

# Hasnan Menangi Anugerah Emas Konferensi Pendidikan Abad Ke-21 Kebangsaan 2019 Lahad Datu, Sabah



Hasnan Md Saad telah mencipta sejarah tersendiri dan mengulangi peserta lain apabila telah memenangi anugerah utama pingat emas pada kategori Pembentangan Poster Kajian Tindakan dan Penyelidikan di Konferensi Pendidikan Abad Ke 21 Kebangsaan 2019 di Lahad Datu, Sabah Sabtu lalu. Hasnan guru bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang, Wilayah Persekutuan Labuan telah mengemukakan tajuk kajian Jangkauan Keberkesanan Kaedah Kod Pantas dalam Memindah Ayat Aktif ke Ayat Pasif dalam PdPc Bahasa Melayu UPSR yang turut menewaskan 20 peserta

lain dari seluruh negara.


Tieew Sor Wai guru Bahasa Melayu dari SMK Sepagaya, Lahad Datu pula mendapat pingat perak dengan tajuk kajian Putaran Ayat. Manakala kumpulan guru mata pelajaran Sejarah Saedah Abd Wahid, Jessica Sylvester Lojikim dan Suriati Biru Parang hanya sekadar berpuas hati mendapat pingat gangsa. Menurut Hasnan sejurus ditemui selepas majlis penyampaian hadiah, beliau sendiri tidak menyangka pembentangan posternya menjadi pilihan juri memandangkan ini merupakan pengalaman kali pertama beliau mengikut kategori pembentangan poster selain berpengalaman luas dalam pembentangan kertas kajian pendidikan sama ada dalam dan luar negara. Selain itu, Datu Ramlee Datu Amir Hussin, S. Rafedah Mohammad, Saedah Abd Wahid, Aziz Sarail, Rosdah Herawaty dan Jen Renita Mappah merupakan penerima Anugerah Pembentang Kajian Pilihan.



Konferensi Pendidikan kali ke-2 ini telah dianjurkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Lahad Datu, Sabah dengan

kerjasama Sektor Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Cabaran Pendidikan Dalam Era Revolusi Industri 4.0 telah dipilih menjadi tema. Sebanyak 30 kertas kajian turut dibentangkan melibatkan hampir 50 pengkaji dalam kalangan guru, pegawai pendidikan dan pensyarah dari seluruh negara. Mohd Sirhajwan Idek, pensyarah Kolej Vokasional Keningau yang juga Penerima Anugerah Guru Inovatif Antarabangsa dan Anugerah Guru Global Antarabangsa turut membentangkan kertas kajian "Exploring The Concept Of Gamification To Create Challenging And Intriguing Context For ESL Learners" sebagai pembentang jemputan dan juri pembentangan poster.

Terdahulu ketika merasmikan majlis tersebut, Yang Berhormat Datuk Dr Yusof bin Yacob, Menteri Pelajaran dan Inovasi Negeri Sabah turut menyeru dan mengingatkan kepada seluruh warga pendidik terutama di Negeri Sabah agar sentiasa bersedia mendepani gelombang arus pendidikan masa depan yang semakin deras. Guru memainkan peranan yang sangat penting sebagai arkitek pembangunan insan ke arah peningkatan sekolah berkualiti dan kemenjadian murid abad ke-21 yang holistik. Konferensi yang diadakan di Dewan Pusat Kelapa Sawit Malaysia, Lahad Datu turut dihadiri oleh Dr Mistirine bt Radin, Pengarah Pendidikan Negeri Sabah, Zamri bin Pehakan, Pegawai Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah Lahad Datu, pegawai-pegawai pendidikan seluruh negeri Sabah, guru-guru sekitar Lahad Datu.



---

# Program Motivasi Kerjaya SPM SMK Taman Perumahan

# Bedaun Dengan Kerjasama Asian Supply Base Sdn Bhd



**Labuan** – SMK Taman Perumahan Bedaun telah menjayakan satu Program Motivasi Kerjaya SPM dengan kerjasama Syarikat Gas dan Minyak Asian Supply Base Sdn. Bhd.(ASB) bertempat di ASB Complex Function Hall khusus kepada calon-calon SPM 2019 pada 14 September yang lalu.

Program yang dijalankan bermula jam 7.30 pagi hingga 1.00 petang itu turut dihadiri oleh guru-guru dan pentadbir sekolah.

Program in diisi dengan beberapa slot motivasi dan hala tuju kerjaya yang disampaikan oleh tenaga kerja mahir dan berpengalaman daripada ASB Sdn. Bhd. iaitu Encik Muhammad Zikrillah B. Yunus, Cik Nelsi Garangan, Cik Dellphinia David, dan Cik Masliza Sulaiman.

Calon-calon SPM seramai 81 orang pelajar disajikan dengan motivasi, pengalaman dalam hala tuju kerjaya yang lebih jelas dan berinformasi serta menepati pasaran kerja industri 4.0 pada masa kini.



Ucapan Puan Hj Jijah



Puan Hj Jijah menyampaikan sijil kepada Puan Zulainahwaty

Puan Zulainahwaty Sulaiman, Ketua Jabatan Sumber Manusia ASB Sdn Bhd. dalam ucapannya menyatakan usaha ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial syarikat dalam membantu warga Labuan khususnya pihak sekolah SMK Taman Perumahan Bedaun, demi masa depan anak-anak yang akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun ini.

Puan Hj. Jijah bt. Mohamad Suhai selaku pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun dalam ucapannya juga mengingatkan calon SPM supaya bersiap sedia dari awal agar berjaya menempatkan diri dalam bidang yang selari dengan cita-cita mereka.

Kejayaan mereka merupakan hadiah yang paling bermakna kepada ibu bapa dan guru-guru yang telah banyak berkorban tenaga demi melihat anak-anak berjaya.

Pihak sekolah juga berharap kerjasama yang dijalankan bersama Asian Supply Base Semoga usaha murni ini akan membuahkan kejayaan yang besar kepada sekolah. Turut hadir PK Pentadbiran Encik Ag Rozlan bin Manan, PK Hal Ehwal Murid (HEM) Puan Chai Yee San dan PK Ko-kurikulum Puan Lau Chin Ying.

**Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun**



Slot Motivasi Kerjaya yang disampaikan oleh tenaga kerja ASB Sdn. Bhd. kepada calon-calon SPM SMK Tmn Perumahan Bedaun

---

**Disiplin Terjaga, Jenayah  
Dijauhi Melahirkan Sahsiah  
Terpuji**



Labuan, 17 September

2019- SK Pekan Satu telah

mengadakan Program Disiplin kepada semua murid tahap dua bertempat di dewan

C.U.N. Guru Besar Sk Pekan Satu Puan Anita mengucapkan ribuan terima kasih yang

tidak terhingga kepada penceramah jemputan iaitu Pengawai Perhubungan Polis Sk

Pekan Satu, Tuan Amy Dazni bin Danial dan menasihatkan agar murid-murid

memberikan tumpuan yang jitu terhadap isi ceramah yang akan disampaikan supaya

ianya dapat membantu murid-murid meneruskan kehidupan pada masa akan datang

tanpa terjebak dengan kes jenayah. Sentuhan ceramah Tuan Amy Dazni yang

membicarakan topik "*Disiplin terjaga,*

*jenayah dijauhi melahirkan sahsiah terpuji*" memukau suasana dewan seketika serta,

berjaya menyentuh jiwa dan sanubari semua yang hadir terutama di kalangan

murid-murid tahap dua. Program disiplin ini sejujurnya memberikan impak yang

positif serta kesan yang mendalam terutama apabila disentuh mengenai kes salah



laku yang begitu sinonim berlaku dikalangan murid seperti kes buli, ponteng sekolah, vandalisme dan sebagainya.

Mengukuhkan lagi intipati ceramah yang disampaikan oleh Tuan Amy Dazni tayangan video berkisarkan beberapa hukuman yang dikenakan kepada murid-murid sekolah yang didapati melakukan jenayah. Contohnya murid-murid yang terjebak dengan kes buli akan diberikan kaunseling serta bimbingan disiplin berterusan. Jika didapati kes murid semakin serius maka tindakan lanjut akan diambil iaitu murid yang terlibat akan dihantar ke sekolah pemulihan akhlak agar mereka mendapat bimbingan disiplin dan sahsiah dengan lebih baik.

Tuan Amy Dazni juga menyatakan bahawa, "Murid-murid pada masa kini bukan hanya terjebak dengan kes ponteng sekolah, vandalisme dan buli tetapi ramai dikalangan murid sekolah sudah yang berani berjinak-jinak dengan jenayah yang lebih ekstrem seperti jual beli dadah, salah laku seks, membunuh, menyertai kumpulan kongsi gelap dan militant". "Tidak dinafikan bahawa penglibatan murid sekolah dalam kes-kes jenayah ekstrem seumpama ini adalah didorong oleh ledakan kecanggihan teknologi dunia secara global tanpa adanya sekatan penggunaan media sosial yang merupakan penyumbang terbesar kepada keruntuhan dan kebejatan akhlak generasi muda masa kini," katanya lagi.

Diakhir ceramah yang disampaikan oleh Tuan Amy Dazni, beliau mengingatkan sekali lagi bahawa kebijaksanaan murid-murid dalam menelesuri kecanggihan dunia teknologi ke arah yang positif sahaja pada hari ini adalah sangat

penting dalam memartabatkan disiplin murid itu sendiri. Selain itu menurut beliau juga, ibu bapa merupakan organisasi yang harus memainkan peranan utama dalam menyekat atau menghadkan eksplorasi anak-anak ke alam dunia teknologi rencam dan ibu bapa harus menjadi pemangkin kepada kecemerlangan disiplin anak-anak dalam sebuah institusi keluarga.



Guru Besar Sk Pekan Satu Puan Anita menyerahkan cendera-menangan kepada Pengawai Perhubungan Polis Sekolah, Tuan Amy Dazni bin Danial, disaksikan oleh Penolong Kanan HEM, Puan Normah Rahimi

Encik Awang Iskandar

Bin Awang Ismail selaku penyelaras program mengucapkan ribuan terima kasih

kepada Tuan Amy Dazni, guru-guru dan murid-murid kerana memberi kerjasama yang

jitu bagi mejayakan majlis ini. Selain itu, Encik Awang Iskandar juga berharap dengan kerjasama rapat antara pihak sekolah dan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) terdiri daripada pegawai polis menjadi mekanisme terbaik untuk mencegah pembabitan murid-murid dalam penyalahgunaan dadah dan kegiatan jenayah yang bersifat ekstrem pada masa akan datang.

---

## Perarakan Fiesta Bunga Raya Sempena Hari Malaysia



Labuan, 16 Sept. – Perarakan Fiesta Bunga Raya , Sempena sambutan Hari Malaysia telah diadakan di Dataran Labuan. Perarakan ini adalah anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, W.P Labuan. Perarakan Fiesta Bunga ini disertai oleh 58 kontinjen yang terdiri daripada

murid-murid Prasekolah, Tadika Kemas, Tadika Perpaduan, Tadika Mawip, dan tadika-tadika swasta dari seluruh W.P Labuan.

Dalam kemeriahan perakan Fiesta Bunga ini, Prasekolah SK Pekan Satu tidak ketinggalan mengambil bahagian menyertai perarakan ini dengan membentuk gabungan bersama 4 buah prasekolah yang lain. Gabungan 5 buah prasekolah ini dinamakan sebagai Prasekolah Zon 1. Lima buah prasekolah yang terlibat adalah Prasekolah SK Pekan Satu, Prasekolah SK Pekan 2, Prasekolah SK Patau-Patau, Prasekolah SK Membedai dan Prasekolah SK Kerupang.

Prasekolah Zon Satu disertai oleh 50 orang murid yang mana setiap prasekolah dari 5 buah sekolah berkenaan menghantar 10 orang murid sebagai wakil perarakan.

Berikut adalah 10 orang murid Prasekolah SK Pekan Satu yang terlibat dalam perarakan tersebut :

1. Irfan Ziqri Bin Mohd Faiz
2. Wan Arif Isyraf Bin Wan Abdul Halim
3. Putra Arrashiddin Bin Abdullah
4. Muhammad Iqmal Hakim Bin Nizal
5. Muhammad Hilmi Zuhdi Bin Mohd Sayuti
6. Amira Qaleesya Binti Jasmi
7. Nurul Ashsiena Binti Norzi
8. Wan Zulaikha Zahra Binti Wan Zawawi
9. Nur Izza Qaireen Binti Muslim
10. Nur Zara Arissa Binti Rume



## Kontinjen Prasekolah Zon 1 Perarakan Fiesta Bunga Raya Sempena Hari Malaysia

Dalam perarakan ini, 6 kategori telah dipertandingkan bagi menyuntik semangat kepada semua kontinjen yang turut serta. Enam kategori tersebut adalah :

1. Kategori Kontinjen Patriotik
2. Kategori Kontinjen Kreatif
3. Kategori Kontinjen Harmoni
4. Kategori Kontinjen Dinamik
5. Kategori Kontinjen Terbaik
6. Kategori Kontinjen Paling Ramai

Berdasarkan kepada kreativiti hari Malaysia Kontinjen Prasekolah Zon Satu telah dinobatkan pemenang Kategori Kontinjen Harmoni. Hadiah telah disampaikan oleh, Yang Berhormat, Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid Bin Abdul Samad.

Puan Anita Shyamini A/P S. Azman, Guru Besar SK Pekan Satu memberi kata semangat bahawa kemenangan ini merupakan hasil usaha dan kerjasama guru-guru prasekolah, pembantu pengurusan murid serta sokongan barisan pentadbir kelima-lima buah prasekolah yang terlibat.

Semoga kecemerlangan dan kejayaan seumpama ini akan berterusan dalam menyuntik semangat patriotik di kalangan murid-murid pada masa akan datang.



Wakil Guru Prasekolah Zon Satu menerima hadiah Kategori Kontinjen Harmoni

---

**Dari Pejabat Pengarah  
Pendidikan Jabatan  
Pendidikan WP Labuan**



Assalamualaikum  
Salam sejahtera,

Labuan Superb  
Guru Sayang Muridnya  
Kemenjadian Dan Kecemerlangan Murid Labuan Bermula Di  
Sini

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua murid tahun 6 Wilayah Persekutuan Labuan yang telah selesai menduduki pada 12hb September 2019.

Semua Guru Besar dan seluruh warga sekolah serta ibubapa sudah tentu mempunyai harapan yang menggunung kepada murid-murid ini. Apatah lagi murid tahun 6 ingin berjaya dalam UPSR ini sebagai pelengkap persekolahan 6 tahun mereka di sekolah rendah.

Kepada Ketua Penolong Pengarah Sektor Pentaksiran dan peperiksaan JPWP Labuan dan warganya serta semua petugas dan pengawas UPSR saya ucapkan terima kasih dan tahniah kerana telah memastikan UPSR berlangsung dengan sempurna di semua pusat UPSR.

Selepas ini sekolah akan sibuk pula menyediakan Laporan Berasaskan Sekolah (PBS) murid-murid tahun 6 tahun 2019 ini.

Saya amat yakin sekolah-sekolah telah berpengalaman dalam penyediaan dan penyampaian laporan tersebut kepada ibubapa dan penjaga murid.

Terima Kasih

**Cikgu Raisin Saidin**

**12 September 2019**



Encik Raisin Saidin Pengarah Pendidikan dan Tuan Hj. Sawal Bin Hj. Salleh KPP Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan di SJK(C) Chung Hwa WP Labuan

---

**Lawatan Sambil Belajar Dari**



# KPKP SK Kemabong Tenom, Sabah



**Labuan, 12 September 2019** – Sekolah Kebangsaan Pekan Satu WP Labuan sekali lagi telah menerima rombongan lawatan dari Kelas Pendidikan Khas Pembelajaran Sk Kemabong Tenom dengan jumlah rombongan seramai 28 orang ( 5 orang guru, 7 orang ibu bapa dan 14 orang murid bekeperluan khas).

Menurut Puan Vera Liza George Penolong Kanan Pendidikan Khas SK Kemabong, lawatan ini merupakan lawatan bersifat muhibah untuk mengeratkan perhubungan silaturrahim di antara guru, ibu bapa dan murid MBK di samping dapat bertukar-tukar teknik serta kaedah pengurusan pengajaran dalam bilik darjah bagi berteraskan kualiti pengurusan murid MBK.

Rombongan lawatan ini, disambut meriah dengan persembahan tarian sambut tamu yang dibawa khas oleh murid MBK SK Pekan Satu sebagai tanda penghargaan yang tidak terhingga kepada rombongan pelawat.

Dalam berkongsi kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif rombongan lawatan dibawa melawat ke kawasan sekolah SK Pekan Satu dan kelas-kelas

Pendidikan Khas. Kunjungan mesra ke kelas-kelas Pendidikan Khas SK Pekan Satu ini dapat membantu percambahan perkongsian ilmu intelektual di kalangan guru-guru khususnya yang berteraskan kepada pengajaran dan pembelajaran.

Murid-murid MBK SK Kemabong bukan sahaja berkesempatan beramah mesra dengan murid-murid pendidikan khas SK Pekan Satu, malah disajikan dengan mengikuti aktiviti permainan melengkapkan puzzle yang diadakan di kelas Pendidikan Khas.

Di samping itu, rombongan ini turut menyaksikan pameran seni MBK seperti hasil cantingan batik di kanvas dan kertas lukisan serta hasil kreativiti MBK SK Pekan Satu yang dilaksanakan bersama guru dan PPM menghasilkan corak yang menarik pada baju dan kasut.



Guru Besar SK Pekan Satu Puan Anita menyerahkan cendera-mengangan hasil seni murid bermasalah pendengaran kepada Penolong Kanan Pendidikan Khas Sk Kemabong Puan Vera Liza.

Antara perkongsian ilmu yang amat bermanfaat menurut Puan Vera yang sudah pastikan akan diaplikasikan oleh guru-guru dan murid ke KPKP SK Kemabong adalah subjek

Kemahiran Hidup Kebun, di mana murid MBK telah menghasilkan tanaman taugoh dan dijual kepada guru-guru, ppm dan ibubapa di Sk Pekan Satu. Aktiviti ini mengasah minat serta kemahiran murid dalam bidang pertanian dan jual beli secara langsung.

Selain itu, rombongan lawatan ini juga amat teruja dengan hasil tangan murid MBK dalam subjek Kemahiran Hidup khususnya jahitan di mana murid MBK telah menghasilkan craft berbentuk *keychain* dengan hasil tangan serta kreativiti mereka sendiri.

Pencapaian serta kebolehan seperti ini dapat membuka mata masyarakat luar umumnya, bahawa walaupun MBK mempunyai kekurangan dari segi akademik dan fizikal tetapi kemampuan yang berpaksikan kepada keinginan serta kesungguhan mampu mengilap bakat serta kemahiran MBK standing dengan murid-murid perdana yang lain.

Mengakhiri lawatan Puan Anita Shyamini, Guru Besar Sk Pekan Satu berharap agar lawatan muhibah seperti ini dalam ikatan silaturrahim ini akan terus terjalin dan berkekalan untuk kemandirian murid bekeperluan khas (MBK) pada masa hadapan sesuai dengan kelestarian akademik yang lebih berkualiti.

Semoga murid bekeperluan khas SK Pekan Satu seramai 93 orang murid berkesempatan untuk membuat kunjungan balas ke Sk Kemabong bagi menimba ilmu yang boleh dibawa ke WP Labuan.

*“Memberikan mereka peluang untuk menikmati erti kehidupan sebagai pelajar yang mempunyai kekurangan bukan penghalang untuk kita menyekat perkembangan untuk turut sama dalam era globalisasi pendidikan”. Puan Anita*



Para pentadbir SK Pekan Satu bersama rombongan lawatan KPKP Sk Kemabong Tenom, Sabah.

---

# **Perhimpunan Bulanan JPWPL, September 2019 : Perkongsian Ilmu, Beri Nilai Tambah**



**Labuan, 10 Sept** – Perkongsian ilmu oleh guru-guru dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan bagi bulan September 2019 telah memberi nilai tambah kepada majlis perhimpunan kali ini. Demikian mukadimmah ucapan Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin yang berlangsung di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Labuan, hari ini.

Pada Majlis tersebut, Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun, Puan Hajjah Jijah Mohamad Suhai telah membentangkan perkongsian ilmu mengenai Amalan Pengurusan Sekolah dalam Pentaksiran Bilik Darjah.

Ini diikuti oleh Tayangan Video Guru Adiwira bagi bulan September iaitu Cikgu Hasmah binti Asis, Guru Program Pendidikan Khas dan Integrasi (PPKI) SK Bukit Kalam.

Seterusnya, Ustaz Mohd Sanusi bin Ya dari SMK Labuan yang menjadi jemputan khas oleh Pengarah Pendidikan, mengambil tempat dengan memberi perkongsian ilmu yang cukup bermanfaat untuk difahami dan dihayati bersama.



Puan Hjh Jijah (kiri)



Ustaz Mohd Sanusi (kiri)

Encik Raisin Saidin berkata bulan ini merupakan Sambutan Hari Kebangsaan dan Maal Hijrah Tahun 1441H/2019 yang menjadikan perhimpunan ini lebih bermakna dan mengajar kita agar sentiasa melakukan anjakan paradigma khususnya

sebagai seorang guru.

Tambahnya, semua Pengetua dan Guru besar perlu melihat kemenjadian anak-anak murid dan seharusnya menjejaki keberadaan mereka. Pihak sekolah perlu berbangga melihat kejayaan hasil didikan para guru di sekolah.

Para guru juga disaran agar dapat mengajar secara melihat dan mendengar dengan mata hati.

Pada perhimpunan itu turut diadakan penyampaian sijil Guru Adiwira, sijil penghargaan kepada pihak sekolah, sijil staff of the month dan sambutan hari lahir bagi bulan September kepada warga Pendidikan.

Di akhir majlis, persembahan nyanyian lagu patriotik "SETIA" oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan yang diketuai oleh Encik Raisin Saidin, simbolik sambutan Hari Kebangsaan 2019.



Encik Raisin Saidin menyampaikan Sijil Penghargaan kepada

# Sumbangan Kerajaan dan Komuniti – St. Anthony Open Hall Jadi Kenyataan



**Labuan – 7 September 2019** merupakan hari bersejarah bagi Sekolah Menengah St. Anthony W.P.Labuan apabila pihak PIBG dan sekolah mengadakan Majlis Perasmian St. Anthony Open Hall.

Dewan Terbuka yang diimpikan oleh seluruh warga sekolah terutama para pelajar sekolah ini sejak sekian lama akhirnya telah menjadi kenyataan.

Majlis Perasmian St. Anthony Open Hall disempurnakan oleh YB Datuk Rozman Bin Datuk Hj. Isli, Ahli Parlimen Malaysia P166 Labuan. Turut hadir ialah Tuan Raisin Bin Saidin, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan



W.P.Labuan, Yang DiPertua PIBG En Chia Sia Theng, Pengerusi Lembaga Pengurusan Sekolah, IR Friddy Fu , para penyumbang budiman serta para pegawai Jabatan Pendidikan W.P.Labuan.

YB Datuk Rozman dalam ucapan perasmiannya, berharap platform PIBG ini digunakan sebaik mungkin untuk sama-sama memajukan sekolah ini. Melalui PIBG para ibu bapa dan komuniti dapat menyalurkan apa jua bentuk bantuan kepada pihak sekolah. Para ibu bapa perlu menyokong semua usaha sekolah. Dengan ini murid-murid di sekolah ini akan mendapat pendidikan yang sempurna dan belajar dalam keadaan yang lebih selesa.

Selain itu pembinaan Dewan Terbuka ini juga membolehkan pelbagai aktiviti murid dapat dilaksanakan. Beliau menjelaskan bahawa pihak kerajaan sentiasa menyokong dan membantu sekolah-sekolah bantuan modal di Wilayah ini.

Dr. Baby Chong Vui Hiong selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Majlis Perasmian St. Anthony Open Hall yang juga merupakan Pengerusi Majlis Makan Amal tahun 2017 , mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penderma yang budiman sehingga membolehkan projek Open Hall ini siap dibina pada 7 September 2018. Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang mana YB Datuk Rozman telah menyumbangkan sebanyak RM20,000.00 bagi projek ini. Dr Baby Chong sendiri menyumbangkan RM8,888.88, Encik Chia Sia Theng menyumbangkan RM6,000.00 . Manakala Encik Goh Chan, Dato' Robert Seah Kiat Cheong, Encik Paul Ipoh, Encik Wong Tack Peng, Dato' Celestine Kong, Dato' Sri Goh Sin Han, Encik Ngai Zheng Siang dan Encik Chong Jium Fuu masing-masing menyumbangkan RM5000.00.

Kerja-kerja pemasangan pendawaian elektrik seperti switch board, socket, kipas dan lampu telah disiapkan awal tahun 2019.

Tuan Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan mengucapkan tahniah kepada PIBG, Pengetua, guru-guru dan ibu bapa sekolah yang sentiasa bekerjasama untuk membangunkan sekolah ini.

Beliau juga mengucapkan penghargaan kepada mantau Ketua Unit Pembangunan Encik Sahbudin Bin AG Mohamad yang banyak membantu dan memberikan khidmat nasihat kepada pihak sekolah, bagi membolehkan projek ini mendapat kelulusan segera dari pihak KPM.

Beliau berharap agar PIBG sekolah ini bekerjasama dengan pihak Lembaga Pengurusan Sekolah dalam memastikan pembangunan sekolah ini terjaga dengan rapi.



YB Datuk Rozman



Encik Raisin Saidin



Dr Baby Chong

Pengetua SM St Anthony, Puan Dona Undoh memaklumkan bahawa sekolah ini masih memerlukan penambahan 6 buah bilik darjah dan bilik-bilik khas yang boleh dibina melalui penambahan dua tingkat lagi bangunan di blok C. Projek ini juga memerlukan modal yang besar dan diharapkan akan mendapat kerjasama komuniti di Wilayah ini.

## SEJARAH PEMBINAAN DEWAN TERBUKA SAS

1. Projek mencari dana : Charity Dinner pada 22 Julai 2017
2. Kelulusan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat : 8 September 2019
3. Kelulusan dari Perbadanan Labuan : 6 Oktober 2017
4. Kelulusan dari KPM : 14 Februari 2018
5. Pelan disumbangkan : Mr Tan Teck Soo ( Chan & Shahrman Arkitek Sdn. Bhd )
6. Projek pembinaan Dewan Terbuka SAS bermula :
  - 6.1 Nama Syarikat : ARASTU ENTERPRISE
  - 6.2 Kos : RM105,000.00
  - 6.3 Tempoh siap : 16 minggu ( 2 Mei 2018 – 7 September 2018 )
7. Kerja-kerja pemasangan pendawaian elektrik ( switch board, socket, kipas dan lampu ) : RM15,000.00  
Kos Keseluruhan : RM120,000.00

Puan Dona mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak PIBG serta semua penyumbang budiman kerana ingatan tulus ikhlas, perasaan sayang dan kemurahan hati mereka terhadap sekolah ini. Beliau mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas bantuan pihak kerajaan kepada sekolah ini dan juga kesudian YB Datuk Rozman Bin Datuk Hj Isli untuk hadir merasmikan ST. Anthony Open Hall pada hari ini.

**Berita Oleh : SM St Anthony**

---

# Mutiara Kata Cikgu Raisin Saidin



**Labuan Superb**

**Guru Sayang Muridnya**

**Kecemerlangan Dan Kemenjadian Murid Labuan Bermula Di Sini**

*“ Pada hari kedua UPSR ini saya mendoakan agar ilmu yang telah guru-guru berikan kepada anak-anak murid dengan penuh ikhlas dan disulami dengan perasaan kasih sayang akan membantu mereka menjawab soalan-soalan UPSR dengan cemerlang. Sesungguhnya ilmu yang diberikan dengan ikhlas dan perasaan kasih sayang akan menjadi sebahagian daripada amal kebaikan bekalan kita ke akhirat kelak ” .*

*“ Kita sama-sama menghayati dan menyemarakkan makna serta roh guru sayang muridnya ” .*

**Terima Kasih**

**Cikgu Raisin Saidin**  
**Pengarah Pendidikan Labuan**

---

## **Bekas Pelajar SM St Anthony Bantu Sekolah**



**Labuan** – sekumpulan bekas pelajar SM St Anthony telah menyampaikan sumbangan kerusi baru bagi kesemua 15 buah bilik darjah sekolah berkenaan. Sumbangan ini telah disampaikan oleh Co-ordinator kumpulan Alumni iaitu Puan Mayverine Wong dan Encik Louis Liew bersama 6 orang bekas pelajar yang lain.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengurusan Sekolah ( BOG ) En Friddy Fu dan YDP PIBG sekolah berkenaan iaitu Encik Chia Sia Theng.

Puan Mayverine Wong dalam ucapannya menyatakan rasa



syukur kerana dapat menghulurkan bantuan kepada sekolah yang memerlukan.

Sebelum ini mereka juga telah menghulurkan bantuan kepada sekolah di pedalaman Sabah. Mereka bersedia membantu kedua-dua sekolah bantuan modal termasuk Sekolah Menengah St. Anne, kerana kesemua bekas pelajar ini juga pernah bersekolah di Sekolah Menengah St. Anne

Dalam Majlis Penyerahan Sumbangan ini Puan Dona Undoh selaku Pengetua sekolah, mengucapkan rasa syukur dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Mayverine serta semua bekas pelajar ini yang begitu bermurah hati untuk membantu bekas sekolah mereka.

Sebagai sebuah sekolah bantuan modal, sumbangan daripada bekas pelajar amat dialu-alukan. Beliau menyeru kepada semua bekas pelajar SM St. Anthony di mana juga mereka berada agar dapat menghulurkan sumbangan kepada pihak sekolah dan Lembaga Pengurusan Sekolah (Board Of Governor) dalam membangunkan sekolah ini.

Puan Dona berkata perancangan pembangunan seterusnya bagi sekolah ini ialah projek pembinaan 6 buah bilik darjah, Makmal Komputer dan Makmal Sains yang melibatkan penambahan 2 tingkat bangunan di blok C.

Penambahan 2 tingkat bangunan ini akan melengkapkan prasarana sekolah di sekolah ini agar lebih kondusif dan selamat.

Beliau amat berharap komuniti setempat dapat membantu sekolah ini yang terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Cina, Kadazan, Iban , Dusun, Kedayan, Melayu, Bajau, India dan lain-lain.

Bantuan bekas pelajar kepada sekolah memberi makna yang besar kepada sesebuah sekolah.

Ini sangat jelas apabila pihak Kementerian Pendidikan meletakkan kerjasama ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dalam anjakan kesembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

**Berita Oleh : SM St Anthony**